



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.30 tengah hari, 13 Julai 2024

Untuk Terbitan Media

13 Julai 2024

SIARAN MEDIA

ELEMEN GAMIFIKASI TARIK MINAT PENCARI KERJA SERTA TEMU DUGA ALERT: LEBIH 3,000 PELUANG PEKERJAAN UNTUK DIREBUT

AYER KEROH – Konsep gamifikasi adalah elemen baharu yang dibawa dalam Karnival Kerjaya MYFutureJobs Melaka Careertrans 2024 dengan penawaran lebih 3,000 peluang pekerjaan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, memaklumkan Melaka adalah **negeri pertama yang dipilih dan dibawakan elemen gamifikasi dalam karnival kerjaya yang berteraskan inovasi**, bertujuan untuk menarik minat dan penyertaan lebih ramai individu dalam bidang pekerjaan yang ditawarkan.

“Pendekatan interaktif dan menyeronokkan daripada karnival ini menyediakan platform untuk pencari kerja mengenali pelbagai **peluang kerjaya melalui elemen permainan yang mendidik dan menghiburkan menerusi aktiviti gamifikasi seperti simulasi pekerjaan, cabaran kemahiran, dan pertandingan interaktif** yang bukan sahaja memperkenalkan peserta kepada dunia pekerjaan sebenar, tetapi juga membantu mereka mengasah kemahiran yang relevan dan meningkatkan keyakinan diri.

“Program yang berlangsung selama dua hari, membabitkan lebih 40 majikan ini adalah **anjakan bersama Kerajaan Negeri Melaka dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, dengan mengumpulkan beberapa syarikat terbaik di Melaka bagi memberi peluang kepada pencari kerja untuk bertemu dengan bakal majikan secara terus dan bersemuka demi kesejahteraan rakyat sekali gus menyumbang kepada perkembangan sektor industri dan pengukuhan sosioekonomi Melaka,” ujarinya pada ucapatama perasmian Karnival Kerjaya MYFutureJobs Melaka Careertrans 2024, hari ini.

Turut hadir adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Dato' Azhar Haji Arshad, Timbalan Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan, Puan Siti Faizah binti Abdul Azis, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Ab Rauf berkata, **kerajaan negeri turut memberi penekanan terhadap pembangunan Melaka sebagai pusat kecemerlangan TVET, selaras inisiatif Bajet 2024 Melaka**, dengan menambah institusi TVET, berkolaborasi dengan Majlis TVET Negara, dan meningkatkan kepelbagaian kursus yang ditawarkan di institusi TVET Melaka.

“Graduan TVET memiliki potensi dan kemahiran luas dalam bidang teknikal yang memungkinkan mereka mendapatkan peluang pertumbuhan kerjaya yang baik dengan disokong penganjuran karnival kerjaya dan program peningkatan kerjaya di bawah Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

“PERKESO kini giat ke arah kebolehpasaran graduan bagi memastikan graduan terutama di Melaka dapat menembusi pasaran kerja tempatan dan juga berupaya menembusi pasaran kerja antarabangsa.

“Selain itu, inisiatif khusus bagi membantu pelajar sekolah mengenal pasti peluang kerjaya melalui program peningkatan kerjaya disediakan PERKESO seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan, Career Launch Pad (CLP), Career Exploration Programme (CEP) dan beberapa program lain dengan 13 program berkaitan dijalankan di Melaka,” jelasnya lagi.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Melaka pada suku pertama 2024 adalah 2.2 peratus, lebih rendah berbanding kadar pengangguran nasional sebanyak 3.3 peratus.

Setakat Jun 2024, seramai 2,349 warga Melaka berjaya ditempatkan dalam pekerjaan oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO, di mana 187 orang daripadanya merupakan penerima faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP).

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

13 Julai 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

